

09 JUL 2003

Ulama-Jepun/I

UMAT ISLAM JEPUN BOLEH SUMBANG KEPADA KEBAIKAN UMMAH

Oleh: Mohd Shukri Ishak

PUTRAJAYA, 9 Julai (Bernama) -- Umat Islam di Jepun yakin mereka dapat memberi banyak sumbangan ke arah memanfaatkan ummah di seluruh dunia walaupun mereka hanya golongan minoriti di negara Matahari Terbit itu, kata seorang ulama terkemuka Jepun.

Profesor Pelawat di Pusat Penyelidikan Syariah di Takushoku University, Hideomi Muto berkata terdapat kira-kira 8,000 umat Islam di Jepun dan mereka tidak menghadapi masalah untuk mengamalkan ajaran Islam itu.

"Saya percaya kami juga dapat berkongsi-kongsi idea kami selain menjalinkan kerjasama dengan umat Islam lain di dunia...", katanya kepada Bernama di sini, hari ini.

Muto mengetuai delegasi Jepun pada Multaqa Ulama Sedunia anjuran Jabatan Perdana Menteri di Hotel Marriott Putrajaya di sini. Multaqa tiga hari itu akan dirasmikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad esok.

Multaqa itu, yang bermula esok, akan disertai 840 ulama, cendekiawan dan ahli pemikir Islam dari 33 negara yang antara lain akan membincangkan isu-isu semasa serta hala tuju masa depan umah Islam.

Muto, yang juga pengarah Persatuan Umat Islam Jepun, berkata kepimpinan Dr Mahathir telah menjadikan Malaysia sebagai model negara Islam.

Beliau turut memuji kerajaan Malaysia kerana mengambil inisiatif menganjurkan multaqah itu bagi menyediakan forum untuk para ulama menyuarakan pendirian mereka mengenai isu-isu yang menjejaskan ummah.

-- BERNAMA

MS AZZ NAK